

**JABATAN KORPORAT**

**TARIKH:02.07.2024 MASA:08.30am**

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS JASAMU DIKENANG YANG BERHORMAT  
DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD, MANTAN DATUK  
BANDAR SEBERANG PERAI**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**02 JULAI 2024 (SELASA)**

**11.00 PAGI**

**BERTAM RESORT & WATER PARK  
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis yang cukup besar maknanya, iaitu Majlis Jasamu Dikenang buat Yang Berhormat Dato' Azhar bin Haji Arshad, mantan Datuk Bandar Seberang Perai.
2. Majlis pada hari ini adalah begitu istimewa, namun ada kesayuan dalam hati seluruh warga kerja MBSP. Sebagaimana kita sedia maklum, Yang Berhormat Dato' Azhar bin Haji Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai telah menamatkan khidmat bakti beliau di Majlis Bandaraya Seberang Perai dan telah dinaikkan pangkat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka mulai 24 Jun 2024.
3. Justeru, sebagai tanda ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Azhar bin Haji Arshad atas segala jasa bakti dan sumbangan yang amat tinggi nilainya kepada MBSP dan Seberang Perai, majlis ini diadakan khas untuk meraikan beliau pada hari ini. Meraikan dalam erti kata, menghargai dan berterima kasih kepada beliau sepanjang berkhidmat di Majlis Bandaraya Seberang Perai dari 01 Januari 2022 hingga 23 Jun 2024.

4. Pastinya dalam tempoh masa lebih kurang 33 tahun berkecimpung dalam Perkhidmatan Awam, beliau telah melalui peristiwa pahit-manis, suka-duka dan cabaran getir yang telah beliau tempuhi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada beliau.
5. Bermula sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah pada 17 Jun 1991, beliau terus mengorak langkah dalam kerjayanya menjadi Penolong Setiausaha PTD, Pegawai Tadbir Dan Diplomatik, Pegawai Daerah, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, seterusnya dilantik sebagai Datuk Bandar Seberang Perai dan diikuti dengan yang terbaru sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.
6. Mengenali Dato' Azhar, beliau memiliki personaliti, kredibiliti, dedikasi dan komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Sikap sendiri beliau yang *down to earth*, boleh dibawa berbincang, *easy-going*, dan sentiasa berusaha mempermudah urusan adalah kualiti utama beliau yang perlu dicontohi dan diteladani oleh warga kerja MBSP.
7. Satu perkara yang tidak boleh dilupakan adalah konsep ABC yang diperkenalkan oleh beliau yang mana ia begitu mudah diingati, sampai dan memberi impak kepada semua kakitangan. Dengan konsep ini, beliau memberi sepenuh kepercayaan kepada saya sebagai Setiausaha Bandaraya pada ketika itu, kepada Ketua-Ketua Jabatan

dan seluruh Pegawai-Pegawai Kanan untuk melaksanakan tugas kita dengan sebaik mungkin.

8. Saya bertuah, kerana sepanjang tempoh perkhidmatan Dato' Azhar sebagai Datuk Bandar, beliau banyak membantu serta memberi khidmat nasihat khususnya melibatkan aspek pentadbiran awam pengurusan sumber tanah dan pengurusan pembangunan. Amanah dan tanggungjawab besar yang perlu digalas bagi meneruskan kesinambungan kepada usaha-usaha yang ditinggalkan oleh beliau, serta mengekalkan waima memperkasakan kecemerlangan Majlis Bandaraya Seberang Perai.
9. Pada hari yang berbahgia ini, saya bagi pihak MBSP, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Azhar Bin Haji Arshad di atas pelantikan beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka berkuatkuasa pada 24 Jun 2024. Pertukaran beliau adalah satu kehilangan besar buat MBSP tetapi merupakan satu anugerah buat Kerajaan Negeri Melaka. Kami semua mendoakan semoga Dato' Azhar dan keluarga, dipanjangkan usia, diberikan kesihatan tubuh badan dan ditambahkan ilmu pengetahuan bagi manfaat agama, bangsa dan negara.
10. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menghadaikan pantun khusus untuk Yang Berhormat Dato' Azhar bin Haji Arshad;-

Yang indah itu pertemuan,  
Yang manis itu kemesraan,  
Yang pahit itu perpisahan,  
Yang tinggal hanyalah kenangan.

Berangkat sampan ke Pulau Pandan,  
Mencari kepah untuk hidangan,  
Perpisahan ini bukan sempadan,  
Ikatan terjalin usah diputuskan.

**SELAMAT MAJU JAYA KEPADA YANG BERHORMAT DATO'  
AZHAR.**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***